

**1103/1  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
NOVEMBER 2021  
2 JAM**

**NO KAD PENGENALAN**

					-			-				
--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

**Nama Pelajar :**.....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)**  
**(CAWANGAN KELANTAN)**

PERCUBAAN SPM

2021

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

DUA JAM

TINGKATAN 5

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
  2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
  3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

**BAHAGIAN A***[30 markah]*

Maklumat di bawah berkaitan dengan penyakit berjangkit.

Huraikan pendapat anda tentang penyakit berjangkit.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**Bahan 1**

Penyakit berjangkit ialah fenomena biososial. Fenomena ini disebabkan sama ada agen infeksi atau bahan-bahan toksik yang berbahaya kepada manusia. Pandemik ini membawa pelbagai implikasi sosial, ekonomi dan politik, menjadikan kesejahteraan hidup manusia dan pembangunan negara, terutamanya dari segi pembangunan sumber manusia. Banyak usaha telah dijalankan kerajaan untuk mencegah dan mengawal penyakit berjangkit. Antaranya termasuklah program imunisasi dan vaksinasi. Program yang bersifat pencegahan dan kawalan itu lazimnya dilakukan melalui pendidikan di sekolah, klinik, hospital dan media sosial.

Sumber : Laman Web Rasmi Majlis Keselamatan Negara.

**Bahan 2**

## BAHAGIAN B

[70 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. MEMBACA ITU JAMBATAN ILMU "Budaya membaca dapat melahirkan masyarakat yang cerdas, berdaya saing dan produktif. Budaya membaca juga boleh melahirkan insan yang mulia dan dengan membaca pemikiran seseorang berkembang dan mempunyai imiginasi yang lebih tinggi serta boleh mengeluarkan pendapat dan hujah yang baik. Orang yang kuat membaca ini mempunyai idea-idea yang bernas dan secara tidak langsung mereka ini dapat membangunkan sesebuah negara dan juga menjadi pemimpin yang berkaliber."

'Membaca Jambatan Ilmu'  
Dewan Siswa, Disember 2020

Petikan rencana di atas membuktikan budaya membaca dapat melahirkan masyarakat yang berdaya saing.

Tuliskan sebuah rencana berkaitan faedah membaca.

2. Berdasarkan kajian, hampir 80 peratus remaja tidur dengan telefon pintar mereka di sisi dan menggunakannya sebagai jam loceng. Secara purata mereka menghantar 34 mesej selepas berbaring di atas katil untuk tidur. Penggunaan peranti ini telah menyebabkan 45 peratus remaja tidur kurang daripada 8 jam yang diperlukan. Kekurangan tidur memberi kesan psikologi kepada remaja termasuklah mudah marah, kemahiran sosial terjejas dan pencapaian akademik yang semakin lemah.

Helma Hassan, 'Hello Dr', Pendidik, Ogos 2018

Ketaasuhan remaja dalam menggunakan telefon pintar ternyata membawa kesan negatif kepada mereka.

Huraikan kesan penggunaan telefon pintar kepada golongan remaja.

3. Pada tahun 2017, kerajaan mengumumkan beberapa inisiatif bagi melonjakkan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) di negara ini. Inisiatif itu termasuk membangunkan satu pelan induk komprehensif yang diselaraskan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan dibantu oleh enam lagi kementerian berkaitan dengan TVET. TVET penting bagi melaksanakan program strategik sebagai satu usaha untuk menyokong pencapaian matlamat nasional dalam meningkatkan taraf peratusan pekerja mahir di Malaysia. Tumpuan ini penting dalam usaha mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global

"PM Umum Inisiatif Lonjak TVET",  
oleh Rafidah Mat Ruzki,  
*Berita Harian*, 17 September 2017

Petikan di atas menunjukkan kepentingan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) kepada negara.

Huraikan kepentingan Pendidikan TVET.

4. Sekiranya kita bangga dengan Jalur Gemilang, yang menjadi simbol kemerdekaan dan kedaulatan negara Malaysia, kita pasti tidak keberatan untuk membeli bendera kita sendiri bagi memperingati peristiwa yang amat bermakna ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah sentiasa mempunyai rasa bangga dan cinta akan negara dalam diri. Semangat cinta akan negara ini perlu disemai di sekolah dan juga di rumah agar terus subur dalam sanubari anak-anak.

*Berita Harian*, 15 Ogos 2020

Setiap warganegara perlu mempunyai rasa cinta yang mendalam kepada negara Malaysia.

Nyatakan usaha-usaha yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT